**KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA**
Jabatan Pendidikan Negeri Pulau Pinang
Jalan Bukit Gambir
11700 Pulau Pinang

Telefon : 04-657 5500
Faks : 04-658 2500
Laman Web : http://jpnpp.moe.gov.my

Ruj. Kami : JPNPP (UKK)700 – 6/5/6 Jld.2 (61)
Tarikh : 21 Januari 2020

Pengetua/Guru Besar,
Sekolah Menengah/Sekolah Rendah,
Negeri Pulau Pinang.

Tuan,

**HEBAHAN PROGRAM *INTERNATIONAL LANGKAWI GEOPARK ECO SCHOOL CHALLENGE 2020* ANJURAN DUTA RIMBA@*JUNGLE AMBASSADOR***

Dengan segala hormatnya saya merujuk perkara di atas.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa Kelab Duta Rimba@*Jungle Ambassador* akan menganjurkan program tersebut pada ketetapan seperti berikut:

| | |
|---|---|
| Tarikh | : **14 hingga 17 Julai 2020** |
| Tempat | : **Pulau Langkawi, Kedah** |
| Penyertaan | : **Sekolah Rendah (tahun 4 hingga tahun 6)** |
| | **Sekolah Menengah (tingkatan 1 hingga tingkatan 5)** |

3. Sehubungan itu, dipanjangkan jemputan menyertai program ini kepada sekolah-sekolah yang berminat. Bersama-sama ini disertakan salinan kertas kerja yang mengandungi maklumat lanjut dan surat kelulusan dari Kementerian Pendidikan Malaysia. Sebarang pertanyaan, tuan boleh terus menghubungi pihak urus setia penganjur En. S. Ganesan (016-333 3534) / Pn. Jun (016-220 8024) / Ust. Ammar (013-447 2057) / En. Rasul (011-1133 7493). Kerjasama dan komitmen tuan amat dihargai dan disanjung tinggi.

Sekian, terima kasih.
**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**
**"PENDIDIKAN PULAU PINANG DI PERSADA ANTARABANGSA"**

Saya yang menjalankan amanah,

**(ZAHARI BIN ZAKARIAH)**
Timbalan Pengarah,
Sektor Pembangunan Murid,
b.p. Pengarah Pendidikan,
Jabatan Pendidikan Negeri Pulau Pinang.
No. Tel : 04-652 1194 / 1195
No. Faks : 04-652 1014
E-mel : zahari.zakariah@moe.edu.my

s.k. 1. Pegawai Pendidikan Daerah Timur Laut / Barat Daya / SPU / SPT / SPS

**KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA**
*Ministry of Education Malaysia*
**BAHAGIAN SUKAN, KOKURIKULUM DAN KESENIAN**
*Sports, Co-curricular And Arts Division*
Aras 1, 6 & 7, Blok E13, Kompleks E
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62604 PUTRAJAYA
MALAYSIA

Telefon : +603 88841002/88841333
Faks : +603 88841034/88886790
Laman Web : www.moe.gov.my

Ruj. kami : KPM.600-12/1/4 JLD.7 ( 31 )
Tarikh : 27 Disember 2019
30 Rabiulakhir 1441H

Presiden,
Kelab Duta Rimba,
Kuarters Pendidikan Guru, Blok C-4-3,
Jalan Ahtinahappan, Taman Tun Dr. Ismail,
60000 Kuala Lumpur.

Tuan,

**KEBENARAN PELIBATAN GURU DAN MURID PASUKAN BADAN BERUNIFORM UNTUK MENGHADIRI *"PROGRAM INTERNATIONAL LANGKAWI GEOPARK ECO SCHOOL CHALLENGE 2020"* SEKOLAH-SEKOLAH KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA ANJURAN KELAB DUTA RIMBA KUALA LUMPUR**

Dengan segala hormatnya surat tuan bertarikh **12 Disember 2019** adalah dirujuk.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa Bahagian ini telah menerima dan meneliti permohonan penganjuran program di atas daripada pihak tuan. Pihak KPM mengalu-alukan kerjasama dengan agensi kerajaan dan agensi bukan kerajaan dalam pembangunan pendidikan guru dan murid-murid sekolah.

3. Sehubungan dengan itu, KPM **tiada halangan** bagi membenarkan murid dan guru untuk menghadiri ***"Program International Langkawi Geopark Eco School Challenge 2020"*** yang akan diadakan pada **14 Julai 2020** bertempat di **Langkawi, Kedah.** Walau bagaimanapun, kelulusan bagi permohonan tersebut adalah berdasarkan syarat-syarat berikut:

3.1. Pelibatan murid dalam aktiviti tersebut adalah dengan pengetahuan dan kebenaran pengetua / guru besar sekolah yang terlibat;

3.2. Persetujuan dan kebenaran bertulis daripada ibu bapa atau penjaga murid yang menyertai program berkenaan;

3.3 Guru-guru dan murid-murid tidak boleh dipaksa menyertai program berkenaan;

3.4 Pelibatan guru dan murid dalam program ini tidak akan menjejaskan proses pengajaran dan pembelajaran mereka;

3.5 Guru hendaklah sentiasa bersama-sama murid sepanjang program berlangsung;

3.6 Perlindungan insurans dan langkah-langkah keselamatan murid disediakan;

3.7 Tiada implikasi kewangan kepada Kementerian Pendidikan Malaysia, Jabatan Pendidikan Negeri, Pejabat Pendidikan Daerah yang terlibat;

3.8 Pihak tuan dipohon berbincang dan mendapat kebenaran Jabatan Pendidikan Negeri dan Pengetua/Guru Besar sekolah yang berkenaan terlebih dahulu agar tidak menimbulkan sebarang implikasi daripada program yang dijalankan; dan

3.9 Bagi tujuan pemberian markah kokurikulum, pihak tuan dipohon mengemukakan satu salinan laporan program dalam tempoh 30 hari selepas pelaksanaan program bersama-sama surat permohonan pengiktirafan program.

4. Pihak tuan juga adalah dipohon untuk mengemukakan laporan program kepada Bahagian ini dua minggu setelah program selesai dijalankan untuk tujuan rekod dan rujukan. **Kelulusan ini adalah hanya untuk memberi pelepasan kepada guru serta murid bagi menghadiri *Program International Langkawi Geopark Eco School Challenge 2020"*** yang akan diadakan pada **14 Julai 2020 bertempat** di **Langkawi, Kedah Anjuran Kelab Duta Rimba Kuala Lumpur.** Kementerian Pendidikan Malaysia berhak menarik balik surat kelulusan sekiranya pihak penganjur gagal mematuhi syarat dan peraturan yang ditetapkan atau bercanggah dengan dasar sedia ada yang sedang berkuatkuasa.

Sekian, terima kasih.

**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**

Saya yang menjalankan amanah,

**(RAZUKI BIN A. RAHIM)**
Timbalan Pengarah,
b.p. Pengarah,
Bahagian Sukan, Kokurikulum dan Kesenian,
Kementerian Pendidikan Malaysia.

# KERTAS KERJA

**PROGRAM**

**'INTERNATIONAL LANGKAWI GEOPARK**

**ECO SCHOOL CHALLENGE 2020'**

**Anjuran:**

KELAB DUTA RIMBA@*JUNGLE AMBASSADOR* KUALA LUMPUR

**dengan kerjasama**

LANGKAWI UNESCO GLOBAL GEOPARK

UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA SEKUDAI

SK KELIBANG LANGKAWI

**14 -17 JULAI 2020**

**Pendaftaran Online**
**www.jungleambassador.org**

## 1.0 PENDAHULUAN

Kelab Duta Rimba mengambil peranan mempromosi, mendidik dan menimbulkan kesedaran kepada orang ramai tentang pentingnya hutan dan pokok dalam kehidupan seharian. Kelab Duta Rimba juga membicarakan tentang isu-isu semasa seperti kemusnahan hutan dan pengembalian hutan kepada fungsi asalnya meningkatkan kesedaran masyarakat akan peri pentingnya hutan dan pokok-pokok di luar hutan untuk kepentingan generasi ini dan masa hadapan.

Sehubungan dengan itu, *Jungle Ambassador* Malaysia akan melancarkan program 'International Langkawi Geopark Eco School Challenge 2020' sejajar dengan matlamat SDG. Semoga usaha ini mendapat sokongan padu daripada semua pihak seperti Jabatan Perhutanan, Kementerian Pendidikan Malaysia dan semua sekolah dan Institusi Pengajian Tinggi seluruh negara. Peserta yang berminat boleh membuat pendaftaran melalui laman web kami www.jungleambassador.org.

## 2.0 OBJEKTIF

2.1 Dapat menimbulkan kesedaran dalam kalangan murid sekolah akan kepentingan pokok hutan dan bukan hutan dalam kehidupan.

2.2 Memberi peluang kepada semua murid sekolah merasai pengalaman menanam pokok bakau dengan daya usaha sendiri.

2.3 Dapat memupuk amalan menanam pokok sebagai satu aktiviti beriadah.

2.4 Memupuk semangat kebertanggungjawaban di kalangan murid dari sudut penjagaan pokok

2.5 Mengintegrasi elemen teknologi dan alam sekitar dalam membina keperibadian murid.

2.6 Mewujudkan interaksi antara murid dan alam sekitar melalui penggunaan teknologi

## 3.0 KUMPULAN SASARAN

3.1 Murid sekolah rendah Tahap 2 dan murid sekolah menengah serta pelajar Institusi Pengajian Tinggi.

3.2 Setiap sekolah boleh menghantar maksima 36 orang peserta sahaja bersama 6 orang guru pengiring. **Bagi setiap kumpulan wajib ada 3 orang peserta.**

3.3 Seorang guru pengiring dibenarkan mengawal tiga kumpulan iaitu 3-9 orang peserta sahaja.

3.4 Cadangan bilangan peserta keseluruhan adalah termasuk guru pengiring ialah 1000 orang.

## 4.0 TARIKH DAN MASA

14 Julai 2020 (Selasa) hingga 17 Julai 2020 (Jumaat)

## 5.0 CADANGAN PENGINAPAN

5.1 Hotel Grand Continental Langkawi
5.2 Hotel Langkasuka Langkawi
5.3 Check in 3.00 petang pada 14 Julai 2020
5.4 Check Out 1.00 petang 17 Julai 2020

## 6.0 MAKAN MINUM

6.1 Pihak penganjur akan menyediakan makanan dan minuman seperti di bawah

| Tarikh | Sarapan | Minum Pagi | Makan Siang | Makan Malam | Kudapan Malam |
|---|---|---|---|---|---|
| 14.7.2020 | | | | 6.30 -8.30 pm | 10.00-11.00 pm |
| 15.7.2020 | 6.00-8.00 am | 10.00-10.30 | 12.30-1.30 pm | 6.30 -8.30 pm | 10.00-11.00 pm |
| 16.7.2020 | 6.00-8.00 am | 10.00-10.30 | 12.30-1.30 pm | 6.30 -8.30 pm | 10.00-11.00 pm |
| 17.7.2020 | 6.00-8.00 am | 10.00-10.30 | 12.30-1.30 pm | | |

6.2 Sarapan,makan malam dan kudapan malam bertempat di SK Kelibang
6.3 Minum pagi dan makan tengah hari di lokasi aktiviti semasa.

## 7.0 PENDAFTARAN

6.3 Pendaftaran bermula jam 3.00 petang hingga jam 6.00 petang
6.4 Kit peserta akan diagihkan sewaktu pendaftaran.

## 8.0 PENGANGKUTAN

8.1 Perkhidmatan bas akan disediakan dari Jeti Kuah ke hotel dan sebaliknya.
8.2 Bas akan disediakan kepada peserta dari tempat penginapan ke tempat aktiviti yang diadakan.

## 9.0 TATACARA DAN PELAKSANAAN

9.1 Memohon kelulusan mengadakan program daripada Kementerian Pendidikan Malaysia dan Jabatan Pendidikan Negeri.

9.2 Surat Tawaran kepada sekolah untuk menyertai program ini kepada semua sekolah melalui Jabatan Pendidikan Negeri dan Pejabat Pendidikan Daerah.

9.3 Setiap permohonan sebagai peserta, guru pembimbing atau urusetia perlu mendapat kebenaran pihak sekolah.

9.4 Permohonan menyertai program ini perlu mendaftar secara online www.jungleambassador.org

9.5 Permohonan yang mendapatkan kelulusan dari pihak penganjur sahaja yang boleh menyertai program ini.

9.6 Program ini memerlukan penggunaan telefon bimbit (smartphone) serta data internet. Peserta dan guru pengiring perlu memastikan mempunyai data internet yang mencukupi untuk sepanjang program berjalan.

9.7 Maklumat tambahan program akan sentiasa dikemaskini melalui alamat email yang digunakan semasa pendaftaran.

9.8 Guru-guru boleh juga menyertai Grup **Telegram –LGESC 2020** bagi mendapatkan maklumat lanjut mengenai program ini.

9.9 Bayaran : RM450.00 termasuk – Hotel Penginapan, Makan Minum, T-Shirt, Lencana, Sijil dan pengangkutan di Langkawi sahaja.

Pembayaran : Bayaran Pertama RM150 sebelum 30 Mac 2020
: Bayaran kedua RM150.00 sebelum 30 Mei 2020
: Bayaran Terakhir RM150.00 sebelum 30 Jun 2020

**Akaun : Maybank - 564276524184 – Cek Atas Nama : Kelab Duta Rimba Kuala Lumpur**

## 10.0 SENARAI KEPERLUAN

| | |
|---|---|
| Pakaian Sukan | 3 Malam 4 hari |
| Pakaian Sembayang | 1 set |
| Telefon Bimbit/Tab | Setiap Kumpulan satu |
| Ubat Peribadi | Ikut Keperluan |
| Beg Galas | 1 set |
| Botol Air | 1 set |
| Buku Log | Ikut Unit Beruniform Masing-masing |

## 11.0 TENTATIF PROGRAM

### INTERNATIONAL LANGKAWI GEOPARK ECO-SCHOOL CHALLENGES 2020 14-17 JULAI 2020

| Tarikh/Masa | 5.30 - 8.00 | 8.00 - 12.30 | 12.30 - 2.00 | 2.00 - 6.00 | 6.00 - 8.00 | 8.00 - 10.00 | 10.00 |
|---|---|---|---|---|---|---|---|
| SELASA<br>14-Jul-20 | | | | PENDAFTARAN | REHAT | Taklimat Program dan Ice Breaking | TAMAT |
| RABU<br>15-Jul-20 | Pengurusan Diri | Geopark Kilim<br>Geopark Kompleks Kraf<br>Geopark K Badak<br>Geopark Mat Chinchang | REHAT | Geopark K Badak<br>Geopark Mat Chincang<br>Geopark Kilim<br>Geopark Kompleks Kraf | REHAT | Group Presentation | TAMAT |
| KHAMIS<br>16-Jul-20 | Pengurusan Diri | Geopark Kompleks Kraf<br>Geopark K Badak<br>Geopark Mat Chinchang<br>Geopark Kilim | REHAT | Geopark Mat Chinchang<br>Geopark Kilim<br>Geopark Kompleks Kraf<br>Geopark K Badak | REHAT | Group Presentation | TAMAT |
| Jumaat<br>17-Jul-20 | Pengurusan Diri | Penutup | | | | | |

## 12.0 HARAPAN

Pihak kami, *Jungle Ambassador* berharap agar program ini dapat dilaksanakan dengan jayanya dengan sokongan semua pihak. Semoga kita semua dapat meningkatkan kesedaran dengan cara mendidik generasi baru dan akan datang tentang kepentingan hutan dan pokok-pokok di luar hutan dalam kehidupan seharian kita.

Disediakan oleh : ..................................

Nama Pegawai : **MOHAMED RASUL BIN SALLEHUDIN**
Jawatan : SETIAUSAHA PROGRAM

**<u>KELULUSAN PERMOHONAN</u>**

Kertas kerja ini dikemukakan untuk memohon pertimbangan dan kelulusan pihak tuan untuk menjayakan **'INTERNATIONAL LANGKAWI GEOPARK ECO SCHOOL CHALLENGES 2020'**

| | |
|---|---|
| **Disokong oleh,**<br><br>**AZMIL MUNIF BIN MOHD BUKHARI**<br>Pengurus<br>Langkawi UNESCO Global GeoPark | **Disokong oleh,**<br><br>**AZHAR BIN AHMAD**<br>Guru Besar<br>SK Kelibang Langkawi<br>Kedah |
| **Disokong oleh,**<br><br>**PROF. DR. KASTURI DEVI KANNIAH**<br>Assistant Dean (Quality and Strategy)<br>Universiti Teknologi Malaysia<br>Johor | **Disahkan oleh,**<br><br>**GANESAN S.SITTRAMBARAM**<br>Presiden<br>Kelab Duta Rimba<br>Kuala Lumpur |